

Belia perlu jadi netizen beretika

→ Rosmah saran pengguna internet bezakan antara perkara fakta, pembohongan

Oleh Siti Salmiah A Hamid
salmiah@NSTP.com.my

► Serdang

Steri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, meminta belia negara ini berusaha menjadi pengguna internet atau netizen yang lebih bertanggungjawab, tahu membezakan di antara fakta dan pembohongan yang disebarluaskan melalui media sosial.

Beliau berkata, belia perlu disemai etika siber untuk membantu mereka mengesan dan mengelakkan buli serta gangguan jenayah siber.

Katanya, kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi zaman ini turut mengubah kehidupan dan gaya masyarakat yang menjurus kepada perkhidmatan atas talian.

Ancam keselamatan, keharmonian negara

"Akibatnya, wujud cabaran yang perlu ditangkis belia apabila membabitkan ancaman keselamatan, perlindungan, keamanan dan keharmonian negara.

"Ruang siber mampu menjadikan dunia hari ini berpecah-belah, tidak aman dan kurang selamat bagi generasi sekarang dan akan datang," katanya ketika merasmikan Persidangan Kepemimpinan Pelajar untuk Keamanan yang bertemakan "Pembinaan Negara Melalui Budaya Hati" di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Rosmah turut menyuarakan rasa kecewanya apabila berita palsu mengenainya, viral di media sosial, selain menyelar sikap masyarakat yang mudah berkongsi berita tanpa me-

rujuk perkara sebenar.

Katanya, maklumat yang salah di internet dan kebanjiran di media sosial mudah mempengaruhi serta membentuk pemikiran dan tingkah laku belia.

"Hanya dengan satu butang, hampir semua lapisan masyarakat mampu mengakses kandungan berkenaan tanpa memikirkan akibatnya.

"Maklumat dan berita palsu ini sukar diperbetulkan sebaik sahaja ia terpapar di media sosial. Kandungan berbahaya itu boleh mengganggu kestabilan ekonomi dan menjejaskan keamanan dan keharmonian negara," katanya.

Rosmah menyifatkan inisiatif seperti kempen Cybersafe dengan pembabitan aktif belia harus dijalankan secara kerjasama membabitkan sektor awam, swasta dan orang ramai.

Katanya, kempen sedemikian boleh meningkatkan kesedaran mengenai ancaman siber, selain membekalkan pengetahuan serta kemahiran kepada belia.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]



Rosmah bersama peserta Persidangan Kepemimpinan Pelajar untuk Keamanan di UPM, Serdang, semalam.